

# Masyarakat bermoral dan beretika

U.M. 18 AUG 1993

KETIKA memberi ucapan di majlis makan malam Kelab Harvard minggu lalu mengenai keperluan bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi di Malaysia, Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kepentingan nilai-nilai akhlak terpilih perlu diberikan kajian dan sebaran di kalangan pengurus-pengurus di sektor-sektor awam dan swasta sekiranya negara inginkan kemakmuran.

Ini disebabkan para pengurus, eksekutif dan ahli-ahli profesional dijangka dapat memainkan peranan penting di dalam pembangunan negara menuju ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Ini adalah kali yang kedua dalam tahun ini Dr. Mahathir telah berucap di majlis anjuran Kelab Harvard mengenai tajuk moral dan etika.

Pada bulan April tahun ini, di majlis perasmian Seminar Etika Perniagaan yang dianjurkan bersama oleh Pembangunan Korporat PNB Sdn. Bhd. dan Kelab Harvard Malaysia, Perdana Menteri telah menyeru supaya diwujudkan nilai moral dan etika yang tinggi untuk mengawal jenayah dalam masyarakat kita dan bahawasanya usaha yang berterusan dan ketegasan diperlukan bagi memupuk dan menanam rasa etika perniagaan dan ini bukan sahaja melibatkan badan-badan profesional tetapi meliputi sekolah dan keluarga.

Isu mengenai nilai moral dan etika adalah salah satu daripada sembilan cabaran yang telah digariskan dalam Wawasan 2020. Cabaran yang keempat Wawasan 2020 ialah mewujudkan sebuah masyarakat yang penuh bermoral dan beretika, mempunyai rakyat yang didorong dengan nilai akhlak yang tinggi.

Ini adalah wajar supaya rakyat Malaysia sentiasa diperingatkan mengenai pentingnya nilai-nilai moral dan etika yang tinggi semasa mereka mengejar kemajuan diri sendiri.

Ini perlu diberi penekanan bahawa sebuah masyarakat Malaysia yang maju hendaklah, di antara lain, bermoral dan beretika dan sekiranya gagal ia tidak akan mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kita tidak dapat menjadi negara maju dengan sepenuhnya dalam setiap aspek sekiranya kita tidak mempunyai nilai-nilai yang baik dari segi moral dan etika.

Sekiranya dimensi moral dan etika bagi Wawasan 2020 tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya ia tidak memberikan erti untuk menyatakan pencapaian tentang lain-lain aspek mengenai wawasan negara kita.

Ini adalah kerana tidak ada perkara-perkara yang lebih penting daripada menegakkan nilai-nilai moral dan etika yang baik mengenai sebuah masyarakat yang maju dan progresif.

## Keutamaan.

Pemupukan nilai-nilai moral dan etika yang baik haruslah diberikan keutamaan dan proses pemupukan harus bermula dengan keluarga di rumah dan diteruskan ke sekolah-sekolah serta di tempat kerja.

Harus dinyatakan bahawa isu moral dan etika bukan hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti ekonomi tetapi juga terwujud dalam setiap sudut aktiviti-aktiviti manusia seperti politik, sosial, sukan dan dalam bidang-bidang pelajaran. Sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi bukan sahaja melibatkan ahli-ahli perniagaan dan profesional tetapi juga ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin negara.

Di dalam usaha kita untuk mencapai sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika dua isu penting harus dipertimbangkan.

Yang pertama ialah kemampuan dan keazaman pihak kerajaan bagi membendung segala bentuk rasuah dan penyelewengan.

Yang kedua ialah rakyat haruslah bersedia menerima satu budaya yang berasaskan kejujuran, disiplin dan amanah sebagai satu cara hidup.

Berbicara tentang sumbangan pihak kerajaan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat bermoral dan beretika sepenuhnya, perlu saya menyentuh kenyataan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Kerajaan, Tan Sri Ahmad Sarji Hamid baru-baru ini yang menyeru ketua-ketua jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan supaya memimpin dengan menunjukkan teladan bagi mempraktikkan nilai-nilai etika yang baik.

Tan Sri Ahmad Sarji dengan tepatnya telah menyatakan bahawa kakitangan awam tidak akan menghiraukan kod etika sekiranya ketua-ketua mereka tidak mempunyai sikap kejujuran dan keikhlasan dalam menjalankan tugas-tugas mereka dengan cara beretika.